



## KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGECAULIAN PENGGUNAAN ADUNAN BIOBAHAN API DENGAN BAHAN API LAIN DI BAWAH AKTA INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007 [AKTA 666]**

**Bahagian Biobahan Api  
Kementerian Perladangan Dan Komoditi**

**2022**

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	<b>TUJUAN</b>	2
2.	<b>LATAR BELAKANG</b>	2
3.	<b>PEMAKAIAN</b>	3
4.	<b>PELAKSANAAN PROSES PERMOHONAN PENGECUALIAN PENGGUNAAN ADUNAN BIOBAHAN API DENGAN BAHAN API LAIN</b>	3
5.	<b>JAWATANKUASA PENGECUALIAN PENGGUNAAN MANDATORI BIOBAHAN API</b>	6
6.	<b>PENGECUALIAN</b>	7
7.	<b>PEMBATALAN</b>	7
8.	<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	8

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGECAULIAN  
PENGGUNAAN ADUNAN BIOBAHAN API DENGAN BAHAN API  
LAIN DI BAWAH AKTA INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007  
[AKTA 666]**

---

**TUJUAN**

1. Garis Panduan ini disediakan bagi memberikan panduan kepada pemohon dan pihak yang terlibat dalam proses permohonan pengecualian penggunaan adunan biobahan api dengan bahan api lain.

**LATAR BELAKANG**

2. Dasar Biobahan Api Negara telah dilancarkan pada tahun 2006 sebagai kerangka hala tuju pembangunan sektor biobahan api negara. Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 [Akta 666] telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2008<sup>1</sup> dan memperuntukkan mengenai penggunaan mandatori biobahan api, pelesenan aktiviti yang berhubungan dengan biobahan api dan apa-apa perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

3. Seksyen 53 Akta 666 memberi kuasa kepada Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi biobahan api untuk mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa aktiviti atau golongan aktiviti daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta 666 atau apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 666. Pengecualian tersebut adalah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut dikenakan oleh Menteri yang

---

<sup>1</sup> Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa [P.U.(B) 331/2008]

berkenaan ke atas mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa aktiviti atau golongan aktiviti tersebut.

4. Permohonan pengecualian penggunaan adunan biobahan api dengan bahan api lain yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini adalah berdasarkan kepada undang-undang yang disenaraikan di **Lampiran A**.

## **PEMAKAIAN**

5. Garis Panduan ini terpakai kepada mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa aktiviti atau golongan aktiviti yang menggunakan adunan biobahan api dengan bahan api lain dalam menjalankan apa-apa aktiviti yang menggunakan mesin, jentera, dandang atau sebarang peralatan berenjin diesel.

## **PELAKSANAAN PROSES PERMOHONAN PENGECAULIAN PENGGUNAAN ADUNAN BIOBAHAN API DENGAN BAHAN API LAIN**

6. Permohonan pengecualian penggunaan adunan biobahan api dengan bahan api lain akan diproses berdasarkan **Carta Aliran: Permohonan Pengecualian Penggunaan Adunan Biobahan Api Dengan Bahan Api Lain di bawah Akta 666** seperti di **Lampiran B**. Proses-proses tersebut dijelaskan dalam perenggan-perenggan seperti di bawah:

- (a) mana-mana orang atau golongan orang yang berhasrat untuk memohon pengecualian daripada menggunakan adunan biobahan api dengan bahan api lain perlu mengemukakan

permohonan kepada urus setia Jawatankuasa Pengecualian Penggunaan Mandatori Biobahan Api (“urus setia JKPBBA”), Kementerian Perladangan dan Komoditi (“KPK”) dengan melengkapkan **Borang Permohonan Pengecualian Penggunaan Adunan Biobahan Api Dengan Bahan Api Lain** seperti di **Lampiran C** (“Borang Permohonan”);

- (b) Borang Permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani perlu dikemukakan kepada urus setia JKPBBA sama ada secara serahan tangan, elektronik atau faks ke alamat, alamat e-mel atau nombor faks seperti yang berikut:

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Biobahan Api  
Kementerian Perladangan dan Komoditi  
No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62654 PUTRAJAYA**

**E-mel** : [jkpbba@kpk.gov.my](mailto:jkpbba@kpk.gov.my)  
**Faks** : 03-8887 8354

- (c) urus setia JKPBBA akan memaklumkan penerimaan permohonan kepada pemohon dalam tempoh tiga (3) hari bekerja setelah urus setia JKPBBA membuat semakan sama ada permohonan yang dikemukakan lengkap atau tidak lengkap;
- (d) sekiranya permohonan yang dikemukakan tidak lengkap, urus setia JKPBBA akan memaklumkan kepada pemohon mengenai status permohonan yang tidak lengkap tersebut dan pemohon perlu melengkapkan permohonan tersebut;

- (e) pemohon hendaklah mengemukakan sebarang maklumat atau dokumen tambahan sekiranya diminta berbuat demikian oleh urus setia JKPBBA;
- (f) hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses oleh urus setia JKPBBA;
- (g) permohonan yang lengkap akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengecualian Penggunaan Mandatori Biobahan Api (“JKPBBA”) untuk pengesyoran (*recommendation*);
- (h) syor daripada JKPBBA akan dikemukakan kepada Ketua Setiausaha KPK (“KSU”) untuk perakuan;
- (i) syor yang telah diperakui oleh KSU akan dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri (“YBM”) untuk pertimbangan dan keputusan sama ada untuk melulus atau menolak permohonan atau apa-apa keputusan lain yang difikirkannya sesuai dan wajar;
- (j) sekiranya YBM meluluskan permohonan tersebut, suatu perintah pengecualian hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan surat pemakluman keputusan berserta salinan perintah pengecualian yang diwartakan tersebut akan dikemukakan kepada pemohon; dan
- (k) sekiranya YBM menolak permohonan tersebut, surat pemakluman keputusan penolakan akan dikemukakan kepada pemohon.

## **JAWATANKUASA PENGECUALIAN PENGGUNAAN MANDATORI BIOBAHAN API**

7. JKPBBA ditubuhkan bagi menasihati YBM melalui pengemukaan syor berhubung dengan keputusan yang wajar dibuat oleh YBM ke atas permohonan pengecualian penggunaan adunan biobahan api yang dikemukakan oleh pemohon. JKPBBA terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) Setiausaha Bahagian Biobahan Api;
- (b) wakil Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- (c) wakil Jabatan Kerja Raya (JKR);
- (d) wakil Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp);
- (e) wakil Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM);  
dan
- (f) ahli lain yang difikirkan perlu bagi membantu menilai permohonan tertakluk kepada persetujuan oleh KSU.

8. Tanggungjawab JKPBBA adalah seperti yang berikut:

- (a) memastikan maklumat yang dikemukakan oleh pemohon adalah benar serta mematuhi peruntukan Akta 666 atau apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 666;  
dan
- (b) mengemukakan syor untuk pertimbangan dan keputusan YBM.

9. JKPBBA akan bersidang secara fizikal atau dalam talian mengikut keperluan dengan korum minimum sekurang-kurangnya tiga (3) ahli JKPBBA.

10. Urus setia JKPBBA akan memaklumkan tarikh yang sesuai kepada semua ahli JKPBBA sebelum mesyuarat dijadualkan bersidang. Sekiranya mesyuarat JKPBBA tidak dapat dijalankan secara fizikal atau dalam talian atau terdapat permohonan yang memerlukan keputusan segera, ahli JKPBBA boleh mengemukakan syor masing-masing melalui usul edaran (*circular resolution*) kepada urus setia JKPBBA.

## **PENGECUALIAN**

11. Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan Garis Panduan ini hendaklah mendapatkan pertimbangan dan kelulusan daripada KSU.

## **PEMBATALAN**

12. Dengan berkuatkuasanya Garis Panduan ini, Garis Panduan Permohonan Pengecualian Penggunaan Biobahan Api 2019 yang dikeluarkan pada 5 April 2019 adalah dibatalkan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

13. Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.


**Ketua Setiausaha  
Kementerian Perladangan dan Komoditi  
10 Januari 2022**

## **Lampiran A**

### **SENARAI UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK**

1. Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 [*Akta 666*]
2. Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Peratusan Adunan dan Penggunaan Mandatori) (Pindaan Jadual) 2019 [*P.U.(A) 129/2019*]
3. Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Pindaan Jadual Pertama) 2022 [*P.U.(A) 354/2022*]
4. Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Sumber Pengeluaran, Adunan dan Aktiviti yang Dibenarkan) 2022 [*P.U.(A) 363/2022*]

**CARTA ALIRAN : PERMOHONAN PENGECUALIAN PENGGUNAAN ADUNAN BIOBAHAN API DENGAN BAHAN API LAIN DI BAWAH AKTA INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007**



MPIC.BBA(S).700-3/1/2	UNTUK KEGUNAAN PEJABAT (FOR OFFICE USE)
	NAMA :
	NO. FAIL :



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**  
**MINISTRY OF PLANTATION AND COMMODITIES**

**AKTA INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007 [AKTA 666]**  
**MALAYSIAN BIOFUEL INDUSTRY ACT 2007 [ACT 666]**

**BORANG PERMOHONAN PENGECAULIAN PENGGUNAAN  
ADUNAN BIOBAHAN API DENGAN BAHAN API LAIN**  
**APPLICATION FORM FOR EXEMPTION FROM  
THE USE OF BLENDING FUEL WITH OTHER FUEL**

**BAHAGIAN A**

**PART A**

**1. BUTIRAN PERMOHON (ISI DENGAN HURUF BESAR)**  
**PARTICULARS OF APPLICANT (USE CAPITAL LETTER)**

1.1 NAMA PEMOHON/ SYARIKAT  
NAME OF APPLICANT/ COMPANY :

1.2 ALAMAT SURAT-MENYURAT  
CORRESPONDENCE ADDRESS :

Poskod Postcode		Nombor Telefon Telephone No.	
		Nombor Faks Fax No.	
		Alamat E-mel E-Mail Address	

1.3 ALAMAT SURAT-MENYURAT BAGI PREMIS YANG MEMOHON PENGECAULIAN  
(SENARAIKAN DI LAMPIRAN JIKA LEBIH DARIPADA SATU)  
ADDRESS OF PREMISE FOR EXEMPTION (LIST IN THE APPENDIX IF MORE THAN ONE):

Poskod Postcode		Nombor Telefon Telephone No.	
		Nombor Faks Fax No.	
		Alamat E-mel E-Mail Address	

1.4 NAMA SYARIKAT INDUK (JIKA BERKAITAN)  
*NAME OF HOLDING COMPANY (IF ANY) :*

1.5 ALAMAT SURAT-MENYURAT SYARIKAT INDUK  
*ADDRESS OF HOLDING COMPANY :*

Poskod <i>Postcode</i>		Nombor Telefon <i>Telephone No.</i>	
		Nombor Faks <i>Fax No.</i>	
		Alamat E-mel <i>E-Mail Address</i>	

**BAHAGIAN B**

*PART B*

2. BUTIR-BUTIR PERNIAGAAN/ SYARIKAT/ ORGANISASI/ LAIN-LAIN  
*PARTICULARS OF BUSINESS/ COMPANY/ ORGANISATION/ OTHERS)*

2.1 TARAF ENTITI UNDANG-UNDANG  
*LEGAL ENTITY STATUS :*

01	Pemilik tunggal <i>Sole Proprietorship</i>		05	Koperasi <i>Co-operative</i>	
02	Perkongsian <i>Partnership</i>		06	Perbadanan Awam <i>Public Corporation</i>	
03	Syarikat Sendirian Berhad <i>Private Limited Company</i>		07	Lain-lain (Sila nyatakan) <i>Others (Please specify) :</i> _____	
04	Syarikat Berhad <i>Limited Company</i>				

2.2 NOMBOR PENDAFTARAN SSM  
*SSM REGISTRATION NO. :*

2.3 NOMBOR LESEN PERINDUSTRIAN MITI (JIKA BERKAITAN)  
*MITI MANUFACTURING LICENCE NO. (IF ANY) :*

**BAHAGIAN C**

*PART C*

3. BUTIRAN MESIN  
*PARTICULARS OF MACHINE*

3.1 PENGGUNAAN DIESEL/ *USAGE OF DIESEL :*

Anggaran penggunaan tahunan:  
*Estimated usage per annum :*

--

liter/ tahun  
*litre/ year*

Nama Pembekal Diesel  
*Diesel Supplier's Name:*

--

Kaedah dan kapasiti penyimpanan diesel:  
*Method and capacity of diesel storage :*

1. Tangki/ *Tank* : ..... liter / *litre*
2. Tong dram/ *Drum* : ..... liter / *litre*
3. Lain-lain (Sila nyatakan)/ *Others (Please specify)* : .....

**3.2 PEMBEKAL MESIN / PERALATAN (MACHINE/ EQUIPMENT SUPPLIER) :**

<b>Spesifikasi Mesin</b> <i>Machine Specification</i>	<b>Pengeluar / Model</b> <i>Manufacturer/ Model</i>	<b>Bilangan Unit</b> <i>No. of Unit</i>	<b>Catatan</b> <i>Remarks</i>

**BAHAGIAN D**

**PART D**

**4. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**  
**DOCUMENTS TO BE SUBMITTED :**

- Surat iringan (**wajib**)  
*Cover letter (compulsory)*
- Dokumen syor OEM (**wajib**)  
*OEM recommendation document (compulsory)*
- Maklumat SSM (**wajib**)  
*SSM information (compulsory)*
- Salinan lesen premis perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (**wajib**)  
*Copy of the business premise license from the Local Authority (compulsory)*
- Salinan kontrak pembelian diesel antara pemohon dengan syarikat pembekal diesel (**wajib**)  
*Copy of diesel purchase contract between the applicant and the diesel supplier company (compulsory)*
- Salinan invoice atau dokumen penghantaran/penerimaan pembelian diesel minimum 6 bulan yang terkini daripada syarikat pembekal diesel berlesen (**wajib**)  
*Copy of invoice or document for delivery/receipt of diesel purchase for a minimum of 6 months latest from a licensed diesel supplier company (compulsory)*
- Lesen Kebenaran Menjalankan Aktiviti Runcit di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] dan Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] (**jika berkaitan**)  
*License to Carry Out Retail Activities under the Petroleum Development Act 1974 [Act 144] and the Control of Supplies Act 1961 [Act 122] / (PDA 1) (if any)*

- Lesen Kebenaran Menjalankan Perkhidmatan Komersial di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] (PDA 2, 3, 4 dan 5) (**jika berkaitan**)  
*License to Carry out Commercial Services under the Petroleum Development Act 1974 [Act 144] (PDA 2, 3, 4 and 5) (**if any**)*
- Salinan dokumen sokongan (**jika berkaitan**)  
*Copy of any documents to support the application (**if any**)*

**BAHAGIAN E**

*PART E*

**6. PENGESAHAN/ DECLARATION :**

Saya, seperti penama di bawah, mengesahkan bahwasanya semua maklumat dalam permohonan ini dan mana-mana dokumen yang dikemukakan bagi menyokong permohonan ini adalah benar, lengkap dan tepat. Saya faham bahwasanya pihak Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) berhak untuk meminta sebarang maklumat lanjut atau dokumen yang berkaitan bagi menyokong permohonan ini.

*I, the undersigned, confirm that all particulars in this application and any documents submitted to support this application, if any, are true, complete and accurate. I understand that the Ministry of Plantation and Commodities (MPC) is entitled to request for further information and document to support this application.*

\*TANDATANGAN PEGAWAI  
*SIGNATURE OF OFFICER*

NAMA  
*NAME* : \_\_\_\_\_

NO. KAD PENGENALAN / NO. PASPORT  
*IDENTITY CARD / PASSPORT NO.* : \_\_\_\_\_

JAWATAN RASMI  
*OFFICIAL DESIGNATION* : \_\_\_\_\_

NOMBOR TELEFON  
*TELEPHONE NO.* : \_\_\_\_\_

TARIKH  
*DATE* : \_\_\_\_\_

\*Hanya orang yang berikut sahaja boleh menandatangani borang permohonan ini:  
*Only the following persons can sign this application form:*

- Jika syarikat yang memohon  
*If a company is applying* ➤ Pengarah  
*Director*
- Jika pemilik tunggal yang memohon  
*If a sole proprietorship is applying* ➤ Pemilik  
*Owner*
- Jika perkongsian yang memohon  
*If a partnership is applying* ➤ Rakan kongsi  
*Partner*
- Jika badan berkanun yang memohon  
*If statutory body is applying* ➤ Anggota Lembaga atau yang setaraf dengannya  
*The Board Members or its equivalent*

Untuk hal-hal lain, akan ditentukan oleh KPK.  
*For other cases, will be determined by MPC.*